

## Pelajar FPEP UMS Adakan Aktiviti Kebajikan Di Kampung Air, Semporna

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Disember 2019 13:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 61

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 12  
DISEMBER**  
— Pelajar  
Program  
Perniagaan

Antarabangsa, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah turun padang bagi mengadakan aktiviti kebajikan bersama penduduk Kampung Air, Semporna baru-baru ini.

Menurut pengarah projek ini James Maxwell Anak Buie, projek ‘We Care, We Share’ bagi membantu penduduk di kawasan pedalaman itu memfokuskan aktiviti di Sekolah Altenatif Semporna dan di sekitar kawasan Kampung Air, Semporna dengan melibatkan seramai 34 pelajar serta pensyarah FPEP, Chan Hak Liong sebagai penyelia projek.

“Objektif utama aktiviti kebajikan ini adalah bagi memupuk sikap keprihatinan pelajar UMS terhadap masyarakat di pedalaman, dengan para pelajar UMS telah menyumbangkan barang terpakai yang sudah tidak digunakan untuk meringankan beban para murid dan tenaga pengajar di Sekolah Alternatif Semporna.

“Di samping itu, tujuan lain kerja sosial ini diadakan adalah untuk merapatkan silaturahim di antara siswa-siswi UMS dengan masyarakat pedalaman ini serta menarik minat kanak-kanak ini untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga ke menara gading,” katanya.

Kata James lagi, antara aktiviti yang dijalankan pada program tersebut adalah aktiviti mengecat dinding kayu sekolah yang turut disertai kanak-kanak sekolah tersebut, dan aktiviti gotong-royong di sekitar kawasan Kampung Air yang bermatlamat untuk menekankan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar agar penyakit seperti wabak Denggi dapat dicegah di kawasan tersebut.

“Aktiviti kebajikan seperti ini telah mengajar kami, untuk sentiasa tidak melupakan orang yang dalam kesusahan.

“Dorongan semangat yang kami berikan kepada kanak-kanak tersebut mungkin menjadi pemangkin semangat untuk mereka mengubah nasib keluarga mereka suatu hari nanti,” ujar James.

Pada akhir program tersebut, siswa-siswi UMS kemudiannya menyampaikan hadiah kepada setiap kanak-kanak di Sekolah Alternatif, Semporna yang ternyata memberi pancaran keceriaan di wajah setiap kanak-kanak yang menerima.